

Oleh Presiden  
Thomas S. Monson



# Dunia Perlukan Perintis Hari Ini

**K**epada banyak orang, perjalanan perintis pada tahun 1847 tidak bermula di Nauvoo, Kirkland, Far West, atau New York tetapi di England, Scotland, Scandinavia, atau Germany. Kanak-Kanak kecil tidak faham tentang iman yang dinamik yang memandu ibu bapa mereka untuk meninggalkan keluarga, sahabat, kesenangan, dan keselamatan.

Seorang kanak-kanak kecil mungkin menanya, "Ibu, mengapa kita meninggalkan rumah? Ke mana kita pergi?"

"Marilah, sayang; kita pergi ke Sion, bandar Tuhan kita."

Di antara keselamatan rumah dan perjanjian Sion adalah satu laut Atlantik yang berbahaya. Siapa boleh menceritakan semula ketakutan yang mencengkam hati manusia sepanjang penyeberangan yang penuh bahaya itu? Ditekan oleh bisikan Roh, disokong oleh iman yang kekal, Orang-orang Suci perintis itu berkeyakinan kepada Tuhan dan melaksanakan perjalanan mereka.

Selepas mereka sampai ke Nauvoo, mereka menemui kesukaran lagi. Batu nisan yang dibina dengan daun saga dan batu menandakan kubur-kubur di sepanjang perjalanan dari Nauvoo ke Salt Lake City. Inilah harga yang dibayar oleh para perintis. Tubuh badan mereka dikuburkan dalam kedamaian, tetapi nama mereka masih hidup.

Lembu-lembu bergerak dengan perlahan-lahan, roda kereta wagon mendecit, lagu peperangan dimainkan,

dan koyote meneriak. Tetapi para perintis yang diilham oleh iman dan dipaksa oleh kesukaran terus berjalan. Mereka menyanyi:

*Mari, mari, Orang-orang Suci,  
Janganlah khuatir.  
Walau hatimu terasa pedih,  
Berkat-Nya' kan hadir. . . .  
Selamatlah! Selamatlah!<sup>1</sup>*

Para perintis ini ingat firman Tuhan: "Umat-Ku mesti dicuba dalam segala sesuatu, agar mereka boleh siap untuk menerima kemuliaan yang Aku miliki untuk mereka, bahkan kemuliaan Sion."<sup>2</sup>

Kelaluan masa mengaburkan peringatan kita dan menurunkan kesyukuran kita terhadap mereka yang sudah melaksanakan perjalanan yang susah itu, meninggalkan kubur-kubur tanpa nama pada perjalanan yang ditanda dengan air mata. Tetapi bagaimana pula dengan cubaan-cubaan hari ini? Tidak adakah jalan yang susah untuk diatasi, tidak adakah gunung yang lekak-lekuk untuk didaki, tidak adakah jurang untuk dilandas, tidak adakah jejak di buat, tidak adakah sungai diharung? Atau adanya satu keperluan hari ini demi roh perintis untuk membimbing kita jauh dari bahaya yang mengancam dan menyelubungi kita serta untuk membimbing kita ke keselamatan Sion?

Dalam dekad-dekad semenjak Peperangan Dunia Kedua, standard-standard moraliti semakin turun. Jenayah terus meningkat; ketertiban berkurang. Banyak orang mencarikan malapetaka hidup, keseronakan sementara semasa mengorbankan kebahagiaan abadi. Bila kita buat demikian, kita kehilangan kedamaian.

Kita sudah lupa tentang bagaimana Orang-orang Yunani dan Orang-orang Roman menang dengan gagahnya dalam dunia yang tidak bertamadun dan bagaimana kemenangan itu tamat—bagaimana kemalasan dan kelemahan mengatasi mereka sampai kejatuhan mereka. Pada akhirnya, mereka inginkan keselamatan dan kesenangan hidup lebih dari kemerdekaan; dan mereka hilangkan semua—kesenangan hidup, keselamatan, dan kemerdekaan.

Jangan serahkan diri kepada godaan Setan; sebaliknya, berdiri dengan teguh demi kebenaran. Keinginan jiwa yang tidak berhabisan tidak dapat dipuaskan oleh pencarian kebahagiaan yang berlangsung di tengah-tengah keseronokan sensasi dan maksiat. Maksiat tidak mengarah terhadap hemah. Kebencian tidak menggalakkan belas kasihan. Ketakutan tidak mendedahkan keberanian. Keraguan tidak mengilhamkan iman.

Ada orang mendapati bahawa adalah susah untuk menahan ejekan dan kata-kata hina dari orang yang tidak bijaksana yang mencemuhkan kemurnian, kejujuran, dan kepatuhan kepada perintah-perintah Tuhan. Tetapi dunia ini selalu memperkecilkan kepatuhan kepada prinsip. Bila Nuh diarah untuk membina satu bahtera, penduduk dunia yang bodoh ternampak langit yang tidak berawan dan mengejek dan mencemuh—sehingga hujan turun.

Mestikah kita belajar pengajaran yang hebat ini berulang kali? Masa ubah, tetapi kebenaran tetap kekal. Bila kita gagal untuk bermanfaat dari pengalaman-pengalaman masa lepas, kita ditakdir untuk mengulang-pengalaman-pengalaman itu bersama dengan kesakitan hati, penderitaan, dan kesengsaraan pengalaman itu. Kita tidak adakah kebijaksanaan untuk mematuhi Dia yang tahu segala dari permulaan sehingga ketamatan—Tuhan kita, yang sudah rekakan rancangan keselamatan—dan bukan ular itu, yang benci keindahan?

Satu kamus menghuraikan seorang perintis sebagai “seseorang yang pergi dulu untuk menyediakan atau

membuka jalan untuk diikuti orang lain.”<sup>3</sup> Bolehkah kita mengumpul keberanian dan ketabahan tujuan yang menggambarkan sifat para perintis dari generasi dahulu? Bolehkah anda dan saya, menjadi perintis?

Saya tahu bahawa kita boleh. Oh, dunia ini perlukan perintis hari ini!

#### NOTA

1. “Come, Come, Ye Saints,” *Hymns*, no. 30.
2. Ajaran Dan Perjanjian 136:31.
3. *Oxford English Dictionary*, 2nd ed. (1989), “pioneer.”

---

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Kitab suci menjelaskan bahawa pengajar keluarga harus “memperingatkan, memaparkan, mengimbu dan mengajar, dan mengajak semua orang untuk datang kepada Kristus” (A&P 20:59). Bertimbang untuk menunjukkan amaran-amaran dan jemputan dalam pesan Presiden Monson kepada mereka yang anda kunjungi. Anda mungkin hendak berbincang bersama mereka tentang cara untuk mengenali dan mengikuti teladan-teladan yang soleh, mengelakkan penipuan, dan belajar dari kesilapan orang lain. Tanya mereka yang anda ajar cara mereka boleh menjadi perintis hari ini.

## REMAJA

### Digerak oleh Iman

Oleh Maggi Earl

Saya tidak lupakan masa saya berjalan-jalan di kawasan Winter Quaters, Nebraska, Amerika Syarikat, di mana perintis tinggal banyak tahun lalu. Kawasan itu suci, macam saya mengunjungi bait suci.

Mata saya penuh dengan air mata, mengaburkan penglihatan saya. saya nampak satu arca tetapi tidak dapat nampak wajah arca itu. Bila saya mengelap mata saya, saya nampak arca itu ialah seorang lelaki dan seorang wanita, wajah mereka sedih. Bila saya mendekati arca itu, saya nampak bentuk seorang bayi berpaling dalam satu kubur di sisi kaki mereka.

Pandangan ini mengisi saya dengan banyak emosi: kesedihan, kemarahan, kesyukuran, dan kebahagiaan. Saya ingin angkat kesakitan yang dirasakan oleh Orang-orang Suci itu, tetapi saya bersyukur juga demi perkara yang sudah mereka korban untuk injil.

Pengalaman saya di Winter Quarters menolong saya untuk menyedari bahawa Bapa Syurgawi berikan injil kepada anak-anak-Nya dan membenarkan mereka hak pilihan untuk melakukan apa pun yang mereka hendak lakukan dengan injil ini. Ibu bapa bayi itu boleh pilih untuk mengambil jalan yang lebih mudah. Mengikut nabi dan mematuhi injil memerlukan para perintis itu terus bergerak ke depan walaupun mereka harus menguburkan bayi mereka. Mereka memilih injil dalam hidup mereka dan menerima cubaan mereka. Saya belajar bahawa dedikasi Orang-orang Suci itu terhadap injil dan keazaman mereka untuk terus bermaju depan digerak oleh iman dan harapan—harapan demi satu masa depan yang gemilang dan iman bahawa

Tuhan tahu mereka dan boleh menyenangkan kesakitan mereka.

*penulis ini tinggal di North Carolina, Amerika Syarikat*

## KANAK-KANAK

### Menjadi seorang Perintis

**P**residen Monson kata bahawa seorang perintis ialah seseorang yang menunjukkan cara untuk diikuti oleh orang lain. Apakah yang boleh anda lakukan untuk berdiri tegak demi kebenaran dan untuk menjadi seorang perintis bagi orang lain dalam komuniti dan keluarga anda? Catatkan jawapan anda dan berkongsi dengan keluarga anda.



Iman, Keluarga, Pertolongan

# Belajar dan Mengajar Injil

*Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri. Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

Yesus Kristus seorang guru yang mahir. Dia dirikan teladan kepada kita semua bila Dia “mengajar para wanita secara berkumpulan dan secara individu, di jalanraya dan di tepi laut, di tepi perigi dan dalam rumah mereka. Dia menunjukkan kebaikan hati yang penuh kasih terhadap mereka dan menyembuhkan mereka dan ahli-ahli keluarga mereka.”<sup>1</sup>

Dia mengajar Marta dan Maria dan “menjemput mereka untuk menjadi pengikut-Nya dan mengambil bahagian dalam penyelaan, ‘perkara baik’ (Lukas 10:42) yang tidak akan dirampas dari mereka.”<sup>2</sup>

Dalam kitab suci zaman akhir, Tuhan memerintah kita untuk “saling mengajar ajaran kerajaan” (A&P 88:77). Cheryl A. Esplin, penasihat kedua dalam presidensi umum Primaria, mengucapkan berikut tentang mengajarkan dan belajar ajaran, “Belajar untuk memahami ajaran-ajaran injil dengan sepenuhnya adalah satu proses sepanjang hidup dan datang secara ‘baris demi baris, ajaran demi ajaran, di sini sedikit dan di sana sedikit’ (2 Nefi 28:30).”<sup>3</sup>

Semasa kita belajar, mengaji, dan berdoa, kita akan mengajar

dengan kuasa Roh Kudus, yang akan membawakan pesanan kita ke “hati anak-anak manusia” (2 Nefi 33:1).

## Dari Tulisan Suci

Alma 17:2–3; 31:5; Ajaran dan Perjanjian 42:12–13; 84:85

## Dari Sejarah Kita

Nabi-nabi sudah memperingatkan kita sebagai wanita bahawa kita memilik satu peranan yang penting sebagai guru-guru dalam rumah dan Gereja. Pada bulan September tahun 1979, Presiden Spencer W. Kimball (1895–1985) menanya kita untuk menjadi “saudari pakar kitab suci.” Dia kata: “Jadilah ilmiawan kitab suci—bukan untuk memperkecilkan orang lain, tetapi untuk meningkatkan mereka! Sesungguhnya, siapakah yang paling berkeperluan untuk ‘simpanlah baik-baik’ kebenarana injil (yang mungkin mereka bergantung pada masa keperluan) daripada para wanita dan ibu yang bekerja keras untuk membela dan mengajar?”<sup>4</sup>

Kita semua guru-guru dan pelajar-pelajar. Bila kita mengajar dari kitab suci dan kata-kata nabi hidup kita, kita boleh membantu orang lain untuk datang kepada

Kristus. Bila kita mengambil bahagian dalam proses pembelajaran dengan menanya soalan-soalan yang bererti dan kemudian mendengar, kita boleh mendapati jawapan bagi keperluan peribadi kita.

## NOTA

1. *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 3.
2. *Daughters in My Kingdom*, 4.
3. Cheryl A. Esplin, “Teaching Our Children to Understand,” *Liahona and Ensign*, May 2012, 12.
4. Spencer W. Kimball, dalam *Daughters in My Kingdom*, 50.

## Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Bagaimana saya bersedia untuk menjadi seorang guru yang lebih mahir?
2. Adakah saya mengongsikan kesaksian saya dengan para saudari yang saya jaga?